

KENYATAAN MEDIA

8 Mei 2020

Suruhanjaya Tenaga
(Energy Commission)
No. 12, Jalan Tun Hussein,
Precinct 2,
62100 Putrajaya,
Malaysia.
T : +603 8870 8500 F : +603 8888 8637
Toll Free : 1-800-2222-78(ST)

PERLANTIKAN PENERUSI SURUHANJAYA TENAGA (ST) BAHARU

Putrajaya, 8 Mei 2020 – Suruhanjaya Tenaga hari ini mengumumkan perantikan Pengerusi Suruhanjaya Tenaga yang baharu, YBhg. Dato' Azian bin Osman, berkuatkuasa 8 Mei 2020 menggantikan Datuk Ir. Ahmad Fauzi bin Hassan yang bersara pada 31 Mac 2020. Perantikan ini atas persetujuan YAB Perdana Menteri.

Dato' Azian Osman berkelulusan ijazah Sarjana Muda Undang-Undang dengan kepujian (LLB.Hons), Universiti Malaya pada tahun 1985.

Beliau telah memulakan kerjaya sebagai seorang Peguambela & Peguamcara pada tahun 1986. Beliau mempunyai pengalaman yang luas di dalam amalan guaman dan juga pengurusan syarikat. Beliau juga adalah Ahli Lembaga Tatatertib dan Disiplin, Majlis Peguam Malaysia dari tahun 2002 hingga 2004. Beliau pernah berkhidmat sebagai Ahli Pihak Berkuasa RISDA selama 4 tahun. Selain itu, beliau pernah menjadi Pengerusi, Syarikat Perumahan Negara (SPNB), Giatmara Malaysia dan juga Ahli Lembaga Amanah, Tekun Nasional selama 4 tahun bermula pada tahun 2015 dan beberapa lagi jawatan lain.

ST mengalu-alukan kepimpinan Dato' Azian agar membawa agenda ST ke tahap yang lebih tinggi. ST juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada mantan Pengerusi ST, Datuk Ir. Ahmad Fauzi bin Hassan sepanjang tempoh perkhidmatan beliau dari 1 April 2018 hingga 31 Mac 2020. Sepanjang tempoh perkhidmatan sebagai Pengerusi ST, beliau telah banyak memberi sumbangan dengan pengalaman dan idea bernas yang sangat berguna dalam mencapai aspirasi, visi dan misi ST.

*****Tamat*****

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

“Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Tenaga 2001, Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan”.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Azlina Mohammad Jais/Zairulliati Mali/Muhammad Harith Safruddin

Unit Promosi dan Hubungan Luar, Jabatan Perancangan dan Komunikasi Strategik, Suruhanjaya Tenaga (ST)

Tel: 03 8870 8598/0193589255 (Azlina)/013 2183778 (Zairulliati)/018 3822545 (Harith)

Emel: azlinamj@st.gov.my/zairulliati@st.gov.my/harith@st.gov.my
